

Kod Tatakelakuan

Masanya sentiasa tepat untuk melakukan perkara yang betul.
—Dr. Martin Luther King, Jr.

Surat Dari Javier Rodriguez

Di DaVita, kami berbangga dalam menyediakan penjagaan pengekalan hayat kepada para pesakit kami, menjaga rakan sepasukan kami dan menempatkan kami di piawai tertinggi sebagai warga korporat. Kami komited untuk melakukan perkara yang betul dan menjalankan aktiviti perniagaan kami dengan mematuhi polisi-polisi, prosedur, undang-undang dan peraturan yang terpakai, serta menghormati hak asasi manusia. Misi Kami—untuk menjadi Penyedia, Rakan Kongsi dan Majikan Pilihan—hanya boleh dicapai jika kami semua mengamalkan komitmen-komitmen ini.

Kod Tatakelakuan kami merupakan tunggak Misi dan Nilai Teras kami dan merupakan bahagian penting yang membentuk siapa diri kami sebagai satu "Village". Ia adalah teras kepada polisi-polisi dan prosedur kami, yang memberikan panduan tambahan, secara lebih terperinci tentang tingkah laku yang dijangkakan. Kod Tatakelakuan kami merupakan alat rujukan bimbingan untuk semua ahli pasukan DaVita melakukan perkara yang betul dengan cara yang betul untuk melindungi para pesakit kami, ahli pasukan kami dan keseluruhan "Village". Ia membantu kami membuat pilihan yang tepat dalam tugas seharian dan strategi jangka panjang kami.

Saya berbesar hati dapat menerajui "DaVita Village" dan saya amat berbangga dengan tugas yang kami lakukan setiap hari. Adalah amat penting untuk kami semua membiasakan diri dengan Kod Tatakelakuan dan menggunakannya sebagai panduan ketika menjalankan tugas harian kami. Kami semua mesti kekal fokus bahawa pertuturan dan tindakan kami melambangkan tingkah laku yang betul untuk menegakkan Misi dan Nilai-nilai Teras kami. Terima kasih atas dedikasi anda untuk memberikan perkhidmatan kepada para pesakit kami, kepada satu sama lain dan komuniti kami.

Satu Untuk Semua!



Javier Rodriguez,
CEO & Datuk Bandar "Village"

TUJUAN KOD TATAKELAKUAN

Dijadikan rujukan halatuju untuk Village ini, membimbing ahli pasukan untuk membuat pilihan yang betul dalam aktiviti harian mereka.



Visi Kita

Berusaha untuk masa depan yang lebih sihat

Jadual Kandungan

Pengenalan

Tanggungjawab Kami	4
Cara Menggunakan Kod Tatakelakuan Ini	5

Program Pematuhan Kami

Ketua Pegawai Pematuhan dan Pasukan Pematuhan.	6
Polisi-polisi dan Prosedur dan Kod Tatakelakuan	6
Latihan Pematuhan	6
Talian Hotline Pematuhan	7
Tanggungjawab untuk Melaporkan	8
Tiada Ancaman Balas	8
Penyiasatan Dalaman	9
Tindakbalas Kepada Penyiasatan Luaran	9

Perkhidmatan kepada Pesakit Kami

Penjagaan Pesakit Berkualiti	10
Penyedia Penjagaan Berkelayakan	10
Maklumat Sulit Pesakit	11

Hubungan dengan Orang Lain

Hubungan Perniagaan	12
Hubungan dengan Pakar Perubatan dan Pembekal Lain	13
Hubungan Dengan Pesakit	14
Ihsan Perniagaan	14

Mengelakkan Konflik Kepentingan

Am	15
Pekerjaan Luar	15
Peluang Perniagaan	16
Rakan dan Keluarga	16

Saling Menghormati

Menghormati Hak Asasi Manusia	17
Peluang Pekerjaan yang Sama Rata	17
Pekerjaan yang Sah	18
Dadah dan Alkohol	18
Gangguan	19
Kesihatan dan Keselamatan	20

Amalan Perniagaan

Pengekodan, Bil dan Perakaunan Pesakit Yang Betul	21
Penyimpanan Rekod	21
Rekod Kewangan Tepat	22

Aset dan Teknologi DaVita

Penggunaan Aset dan Teknologi DaVita Yang Betul	23
<i>Artificial Intelligence</i>	23
Perdagangan Orang Dalam	24
Komunikasi Luaran	23
Laman Media Sosial	24

Mematuhi Undang-Undang

Undang-Undang <i>Antitrust</i>	25
Undang-Undang Anti Korupsi dan Anti Rasuah	26
Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Keganasan	27
Undang-Undang Anti Sogokan A.S.	27
Undang-Undang Larangan Dorongan Pesakit	27
Penipuan, Pembaziran dan Penyalahgunaan	27
Amalan Pemasaran dan Pengiklanan	27

Komuniti Kami

Tindakan Politik	28
Sumbangan Kebajikan	28
Kesimpulan	29
Sumber Untuk Menyokong Pemilihan Yang Betul	30

Tanggungjawab Kami

Kod Tatakelakuan (Kod) ialah panduan untuk semua ahli pasukan (termasuk ahli pasukan kontrak), ahli Lembaga Pengarah, rakan pakar perubatan dan pihak ketiga tertentu, yang menjalankan perniagaan bagi pihak perniagaan global DaVita. Kami semua harus membacanya, memahaminya dan mematuhi kepada Kod Tatakelakuan ini.

Pematuhan adalah tanggungjawab semua, ahli pasukan mesti:

- Baca, fahami dan patuhi Kod Tatakelakuan dan polisi-polisi serta prosedur pematuhan DaVita.
- Dapatkan nasihat jika terdapat keraguan.
- Elakkan tindakan yang menyalahi undang-undang, tidak beretika atau tingkahlaku yang tidak wajar.
- Laporkan sebarang salah laku yang anda syak berlaku atau benar-benar berlaku terhadap polisi-polisi dan prosedur pematuhan DaVita, undang-undang atau peraturan atau Kod Tatakelakuan ini. Pendek kata, jika anda terlihat sesuatu yang tidak wajar, anda bertanggungjawab untuk menyuarakannya. Bantu semasa pertanyaan, audit dan penyiasatan pematuhan.
- Bertanggungjawab dan mengambil akauntabiliti atas tindakan anda.
- Maklumkan kepada Jabatan Pematuhan dengan serta-merta jika kerajaan Amerika Syarikat atau mana-mana kerajaan negara mengenakan sekatan atau mengecualikan anda dari penyertaan dalam program yang dibiayai oleh kerajaan ataupun jika anda dikenakan sekatan atau pengecualian yang serupa di mana-mana negara tempat DaVita menjalankan perniagaan.

DaVita komited untuk melakukan perkara yang betul dan mematuhi sepenuhnya kepada semua peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkenaan program penjagaan kesihatan negeri dan persekutuan Amerika Syarikat, dan kepada peraturan dan undang-undang di dalam negara di mana DaVita menjalankan perniagaannya. DaVita mungkin akan melaksanakan tindakan pemulihan sehingga dan termasuk pemberhentian pekerjaan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, terhadap mana-mana ahli pasukan yang gagal untuk bertindak selaras dengan polisi-polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai atau Kod ini.



Cara Untuk Menggunakan Kod Tatakelakuan Ini

Kod Tatakelakuan DaVita membantu ahli pasukan membuat pilihan yang tepat dan melakukan perkara yang betul.

Kod ini bertujuan membantu kami menjalankan perniagaan dengan cara yang sah dan beretika, selari dengan Nilai-nilai Teras DaVita. Kod ini menjadi panduan pemahaman kami dalam memahami struktur Jabatan Pematuhan, polisi-polisi dan prosedur utama DaVita serta undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Piawaian yang digariskan dalam Kod Tatakelakuan ini boleh digunakan di semua negara-negara di mana DaVita menjalankan perniagaan.

Kami terikat kepada undang-undang dan peraturan-peraturan negara di mana DaVita menjalankan perniagaan. Di samping itu, DaVita memiliki polisi-polisi dan prosedur tertentu yang bertujuan untuk membimbing tingkahlaku kami. Jika anda tidak pasti tentang polisi-polisi dan prosedur atau undang-undang dan peraturan manakah yang terpakai kepada aktiviti-aktiviti anda, sila rujuk kepada penyelia anda, Jabatan Pematuhan atau Jabatan Perundangan. Kami menerapkan piawaian yang sama kepada semua ahli pasukan, rakan pakar perubatan, ahli Lembaga Pengarah dan pihak ketiga tertentu yang menjalankan perniagaan bagi pihak DaVita. Kami mengharapkan mereka mematuhi kepada polisi-polisi dan prosedur DaVita, semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan Kod Tatakelakuan ini.



Program Pematuhan Kami

Program Pematuhan ini adalah selari dengan komitmen kami untuk menerapkan Misi dan Nilai-nilai Teras syarikat kami setiap hari, dalam semua perkara yang kami lakukan.

Ketua Pegawai Pematuhan dan Pasukan Pematuhan

DaVita mempunyai Jabatan Pematuhan khusus, yang dinamakan Team Quest. Ahli pasukan Pematuhan melaksanakan pentadbiran Program Pematuhan secara harian dan sentiasa bersedia untuk menjawab sebarang soalan atau kemusykilan dan menangani masalah berkaitan Pematuhan. Jim Hearty, Ketua Pegawai Pematuhan (CCO) DaVita, memantau Program Pematuhan dan melaporkan secara terus kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pematuhan dan Kualiti dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Polisi-polisi dan Prosedur dan Kod Tatakelakuan

Jabatan Pematuhan telah mengeluarkan polisi-polisi dan prosedur serta Kod Tatakelakuan sebagai panduan tindakan kami. Polisi-polisi dan prosedur Pematuhan menyediakan panduan tentang topik-topik tertentu dan aktiviti-aktiviti perniagaan, sementara Kod Tatakelakuan pula merupakan panduan kepada keseluruhan tingkahlaku bagi operasi global kami.

Latihan Pematuhan

Semua ahli pasukan, ahli pasukan jemputan, pengarah perubatan dan rakan-rakan usahasama, vendor-vendor terpilih dan pihak ketiga lain seperti yang disyaratkan oleh kewajipan kontrak, mesti melengkapkan latihan pematuhan DaVita. Latihan ini merupakan teras penting kepada asas Program Pematuhan kami.



Hotline Pematuhan (DaVitaComplianceHotline.com)

Talian Hotline Pematuhan tersedia 24 jam sehari, tujuh hari seminggu. Talian hotline ini diuruskan oleh pihak ketiga dan adalah selamat serta sulit. Di kebanyakan negara, termasuk Amerika Syarikat, ahli pasukan boleh memilih untuk membuat laporan tanpa nama. Laporan Hotline Pematuhan mesti dibuat dengan niat yang baik.

Undang-undang privasi tempatan di luar Amerika Syarikat boleh menjejaskan ketersediaan serta terma penggunaan talian Hotline Pematuhan. Dapatkan nasihat serta maklumat dari penyelia anda atau ketua pematuhan tempatan berkenaan penggunaan tempatan talian Hotline Pematuhan.



FAQ

S: Jika saya membuat laporan kepada Hotline Pematuhan, adakah saya perlu bercakap dengan ahli pasukan DaVita?

J: Tidak. Hotline Pematuhan dikendalikan oleh kontraktor pihak ketiga dengan pekerja yang terlatih yang akan mengambil laporan anda dan menyerahkannya kepada Jabatan Pematuhan melalui sistem automatik.

S: Bolehkah saya melaporkan tanpa nama?

J: Di Amerika Syarikat, anda boleh melaporkan tanpa nama. Di luar Amerika Syarikat, ini bergantung kepada undang-undang tempatan, kerana sesetengah negara mempunyai undang-undang yang melarang pelaporan tanpa nama. Sila rujuk kepada polisi Hotline Pematuhan setempat atau ketua pematuhan tempatan untuk maklumat lebih lanjut.

S: Apakah isu yang harus saya laporkan kepada Hotline Pematuhan?

J: Anda harus melaporkan pelanggaran yang disyaki atau sebenar terhadap polisi-polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan berkenaan dan Kod Tatakelakuan ini. Contoh mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada, hadiah yang tidak wajar, rasuah atau sogokan, pemalsuan atau pemusnahan maklumat, masalah bil penjagaan kesihatan, konflik kepentingan dan penyalahgunaan dana atau harta DaVita.

S: Berapa lamakah masa yang akan diambil untuk menyiasat laporan saya?

J: Semua laporan Hotline Pematuhan disiasat dalam tempoh masa yang berpatutan berdasarkan keutamaan. Anda boleh menggunakan nombor laporan dan PIN yang diberikan oleh vendor Hotline Pematuhan untuk memeriksa status laporan anda, meskipun maklumat terperinci mengenai keputusan atau penemuannya tidak akan diberikan.

S: Adakah kemungkinan dimana identiti saya akan terbongkar apabila saya memfailkan laporan melalui Hotline Pematuhan?

J: DaVita berusaha untuk mengekalkan kerahsiaan individu yang membuat laporan salah laku kepada Hotline Pematuhan. Walau bagaimanapun, identiti pelapor akan diketahui sewaktu penyiasatan berdasarkan keadaan sebenar. DaVita akan melindungi identiti setiap pelapor dengan sebaik mungkin dan melarang tindakan ancaman balas terhadap mereka yang melaporkan isu Pematuhan dengan niat baik.

Tanggungjawab untuk Melaporkan

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mengekalkan tahap integriti dan kebertanggungjawaban tertinggi dengan melaporkan kepada penyelia, pengurusan kanan, Jabatan Pematuhan, Jabatan Perundangan atau talian Hotline Pematuhan mengenai sebarang syak atau pelanggaran sebenar terhadap polisi-polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan yang terpakai atau Kod ini. Pelaporan sendiri (yang bermaksud melaporkan pelanggaran yang anda sertai atau sedari) digalakkan, dan walaupun pelaporan sendiri tidak mengecualikan atau melindungi ahli pasukan daripada tindakan pembetulan, tindakan pelaporan sendiri akan dipertimbangkan dalam menentukan apakah, jika ada, tindakan pembetulan yang wajar.

Kegagalan membuat laporan akan merisikokan anda dan DaVita. Ringkasnya, jika anda melihat atau mendengar sesuatu, anda mempunyai kewajipan untuk menyuarakannya.

Tiada Ancaman Balas

Kami semua diharapkan untuk membangkitkan isu atau masalah dengan niat baik dan harus melakukannya tanpa rasa takut akan tindakan ancaman balas. DaVita berusaha untuk menjaga kerahsiaan dan tanpa nama (jika dibenarkan oleh undang-undang) mana-mana individu yang melaporkan kebimbangan.

DaVita tidak bertolak ansur dengan sebarang tindakan ancaman balas terhadap sesiapa yang membuat laporan dengan niat baik atau membantu siasatan. Tindakan ancaman balas adalah sebarang tindakan buruk, seperti pemotongan gaji, penurunan pangkat, pemberhentian, mengugut, atau ancaman terhadap seseorang kerana terlibat dalam aktiviti yang dilindungi seperti menyatakan kebimbangan pematuhan dengan niat baik).

Misi

Untuk menjadi penyedia, rakan kongsi dan majikan pilihan

FAQ

S: Apakah maksud memfailkan laporan Hotline Pematuhan dengan niat baik?

J: Laporan yang difailkan dengan "niat baik" bermaksud si pelapor membuat laporan yang benar, tanpa hasad atau berniat buruk, dan membuat laporan itu berdasarkan kepercayaan yang wajar bahawa kemungkinan pelanggaran telah berlaku atau bakal berlaku.

S: Apakah yang perlu saya lakukan jika saya fikir saya telah diambil tindakan balas kerana melaporkan kebimbangan pematuhan?

J: DaVita melarang semua bentuk tindakan balas. Rakan sepasukan yang percaya bahawa mereka telah diambil tindakan balas kerana melaporkan kebimbangan pematuhan harus segera melaporkan tingkah laku tersebut kepada Talian Pematuhan atau Team Quest.



Penyiasatan Dalaman

Kami menyiasat kebimbangan yang dilaporkan dengan segera dan secara sulit ke tahap yang paling menyeluruh. Semua penyiasatan dalaman dilakukan secara adil dan tanpa kesimpulan yang telah ditentukan terlebih awal. Kami semua diharapkan untuk bekerjasama sepenuhnya dengan penyiasatan dan sebarang tindakan pembetulan, yang disarankan hasil daripada penemuan siasatan.

Memberi Respons Kepada Penyiasatan Luaran

Kami komited untuk memberi respons yang sewajarnya kepada, dan tidak masuk campur dalam, mana-mana pertanyaan, pengauditan atau penyiasatan sah kerajaan. Kami akan berlaku jujur ketika berurusan dengan para pegawai atau kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang.

Khidmat Kepada Pesakit Kami

Pesakit kami menghargai DaVita kerana kami memberikan penjagaan yang berkualiti dan sentiasa menempatkan kami di tahap piawaian yang tertinggi.

Penjagaan Pesakit Berkualiti

Kami membuat perbezaan kepada kehidupan setiap pesakit dengan memberikan penjagaan yang berkualiti. Kami melayan setiap pesakit dengan mesra, hormat dan mulia, sambil menyediakan penjagaan yang sesuai dan diperlukan dari segi perubatan. Kami melibatkan pesakit dalam perancangan penjagaan dan rawatan di mana bersesuaian.

Kami tidak mendiskriminasikan proses kemasukan, pemindahan, pelepasan atau penjagaan pesakit.

Penyedia Penjagaan Berkelayakan

Ahli Pasukan kami dilatih dengan sewajarnya untuk memberikan penjagaan yang berkualiti. Hanya ahli pasukan yang terlatih dengan betul serta memiliki kelayakan profesional yang bersesuaian dibenarkan untuk memberi perkhidmatan penjagaan pesakit.

Sebelum mereka diberi kebenaran untuk memasukkan atau merawat pesakit di pusat kemudahan DaVita, pakar perubatan dan penjaga kesihatan lain yang berkaitan hendaklah memiliki kelayakan yang sewajarnya seperti yang disyaratkan oleh undang-undang dan peraturan terpakai. Kakitangan perubatan yang bekerja di pusat kesihatan kami perlu mematuhi kepada polisi-polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta Kod Tatakelakuan ini.

Cara DaVita

"The DaVita Way" merupakan lambang dedikasi kami terhadap cara Pemikiran kami (kepercayaan dan komitmen), Perasaan kami (penjagaan), dan juga tingkah laku kami (perbuatan) untuk merealisasikan Misi kami dengan menitikberatkan nilai murni di dalam membangunkan Village yang harmoni. Ini menunjukkan keprihatinan kami terhadap ahli pasukan kami, sebagaimana kami prihatin akan pesakit kami.

FAQ

S: Saya rasa seorang jururawat mungkin telah membuat kesilapan semasa memberikan ubat kepada seorang pesakit. Apabila saya membangkitkan perkara tersebut kepada jururawat itu, dia kelihatan marah dan menyatakan bahawa dia akan menguruskan hal tersebut. Saya tidak pasti sama ada tindakan telah diambil. Perlukah saya melakukan apa-apa lagi?

J: Jika anda tidak pasti tentang apakah yang berlaku atau apa yang perlu anda lakukan, berbincang dengan penyelia anda atau ketua klinikal yang relevan. Anda juga boleh melaporkan isu itu di talian Hotline Pematuhan. Kesilapan mungkin berlaku dalam tugas harian, tetapi dengan sikap prihatin dan perhatian semua, kesilapan boleh dicegah atau diperbetulkan.

Maklumat Sulit Pesakit

DaVita mengiktiraf sensitiviti maklumat kesihatan yang dilindungi (PHI) bagi setiap pesakit.

Kami komited untuk mengekalkan privasi pesakit kami selaras dengan undang-undang privasi data yang terpakai, termasuk Akta Kemudahalihan dan Akauntabiliti Insurans Kesihatan Amerika Syarikat 1996 (HIPAA), pindaannya dan lain-lain undang-undang dan peraturan yang mengawal privasi dan keselamatan pesakit di negara-negara di mana DaVita menjalankan perniagaan. Kami menghormati dan melindungi maklumat sulit pesakit kami menerusi komitmen kami kepada prinsip-prinsip privasi ini.



FAQ

S: Mary, jiran saya, telah dimasukkan ke pusat perubatan kami baru-baru ini. Saya terjumpa seorang lagi jiran semasa sedang membeli-belah. Dia bertanya keadaan Mary kepada saya. Bagaimanakah harus saya menjawab?

J: Anda harus memaklumkan kepada jiran anda itu bahawa tidak boleh membincangkan keadaan Mary atau perkhidmatan yang dia terima dan minta dia bertanya terus kepada Mary. Anda mempunyai kewajiban profesional untuk menghormati dan melindungi privasi Mary. Anda hanya boleh membincangkan maklumat rawatan pesakit atau maklumat kesihatan lain seperti yang dibenarkan oleh polisi-polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan tempatan dan Kod Tatakelakuan ini.

S: Bolehkah saya memberikan salinan maklumat rawatan terkini dan penilaian makmal pesakit kepada penyedia penjagaan kesihatan lain?

J: Ya. Anda boleh memberikan maklumat pesakit kepada penyedia penjagaan kesihatan lain dengan tujuan untuk merawat pesakit, jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Sebelum berbuat demikian, anda perlu mengesahkan hubungan rawatan pesakit itu dengan penyedia penjagaan kesihatan yang membuat permintaan tersebut. Di sesetengah pasaran, anda mungkin juga perlu mendapatkan kebenaran pesakit sebelum berkongsi maklumat tersebut.


Hubungan Dengan Orang lain

Kami berusaha untuk membina perhubungan yang adil, mesra, dan beretika.

Hubungan Perniagaan

Kami melayan rakan kongsi perniagaan, vendor dan lain-lain pihak ketiga kami dengan integriti dan hormat.

Kami memilih rakan kongsi perniagaan dan vendor kami berdasarkan kepada kriteria objektif, merangkumi kualiti, harga dan perkhidmatan. Kami membuat keputusan perkongsian berdasarkan kepada keupayaan pembekal untuk memenuhi keperluan kami. Bergantung kepada undang-undang tempatan dan aktiviti perniagaan yang dicadangkan, DaVita boleh menapis atau melakukan usaha wajar yang bersesuaian terhadap rakan kongsi perniagaan, vendor atau lain-lain pihak ketiga kami, termasuk untuk menentukan jika mereka telah disekat oleh mana-mana entiti kerajaan atau telah dikecualikan daripada menyertai program-program kerajaan.



FAQ

S: Seorang pembekal menawarkan saya komputer peribadi percuma hanya kerana menandatangani kontrak antara DaVita dan syarikatnya. Bolehkah saya menerima komputer itu?

J: Tidak. Kami tidak boleh membenarkan hadiah peribadi atau diskaun mempengaruhi penilaian kami dalam menandatangani kontrak. DaVita memilih vendornya berdasarkan harga, kualiti dan perkhidmatan, bukan berdasarkan hadiah.

S: Bolehkah pembekal penjagaan kesihatan memberi hadiah kepada ahli pasukan secara individu?

J: Tidak. Untuk diizinkan di Amerika Syarikat, hadiah mesti diberikan kepada sepasukan, seluruh pusat atau jabatan, selaras dengan polisi tempatan mengenai penerimaan hadiah dari vendor dan dikongsi oleh kumpulan. Beberapa contoh hadiah yang boleh diterima ialah bakul hadiah percutian, dulang biskut atau sekotak coklat. Ahli pasukan juga boleh menerima barangan promosi seperti produk pejabat dengan logo vendor. Di luar Amerika Syarikat, rujuk panduan khusus negara anda atau tanya ketua pematuhan tempatan anda.

Hubungan dengan Pakar Perubatan dan Pembekal Lain

Kami berusaha untuk hanya bekerjasama dan berurus niaga dengan pakar perubatan dan penyedia penjagaan kesihatan lain (HCPs) yang mematuhi kepada polisi-polisi dan prosedur DaVita, undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta Kod Tatakelakuan ini. Kegagalan untuk memenuhi syarat-syarat ini boleh menyebabkan kesan buruk kepada ahli sepasukan, pakar perubatan atau rakan-rakan kongsi pembekal kami yang lain, dan DaVita.

Kontrak DaVita dengan doktor dan HCP lain memenuhi syarat undang-undang yang mengawal pengaturan dan, di mana bersesuaian, menetapkan jangkaan berkenaan pematuhan kepada polisi-polisi, undang-undang dan peraturan DaVita yang terpakai dan Kod ini.

Kami menerima rujukan dan kemasukan pesakit berdasarkan kepada keperluan perubatan pesakit dan kemampuan kami untuk memberikan perkhidmatan yang diperlukan. Kami tidak secara langsung atau tidak langsung memberi, menawarkan, meminta atau menerima apa-apa nilai sebagai pertukaran untuk rujukan pesakit.

FAQ

S: Bolehkah saya menjemput pakar perubatan ke suite semasa acara sukan untuk pembentangan dan bufet?

J: Tidak. Walaupun kami boleh menjalankan urusan perniagaan yang sah semasa acara sukan, hadirin di acara sukan biasanya hanya mahukan hiburan. Menyediakan hiburan kepada pakar perubatan atau lain-lain sumber rujukan boleh mewujudkan tanggapan bahawa tujuan acara ini adalah untuk menjana perniagaan dengan memberikan faedah bernilai peribadi. Maka, kehadiran di acara sukan, dan lain-lain acara hiburan atau rekreasi tidak dibenarkan.

S: Bolehkah saya memberikan pakar perubatan wain sebagai hadiah?

J: Ahli pasukan di Amerika Syarikat tidak boleh memberikan alkohol kepada doktor atau sumber rujukan lain sebagai hadiah. Untuk ahli pasukan di negara selain daripada Amerika Syarikat, ini adalah bergantung kepada undang-undang tempatan negara asal penerima yang dimaksudkan. Sila periksa polisi ihsan perniagaan negara anda untuk panduan khusus.

S: Saya hendak memberi hadiah kepada seorang ahli pasukan sempena hari jadinya. Adakah Polisi Ihsan Perniagaan atau Hadiah terpakai?

J: Tidak. Polisi ini tidak terpakai ke atas pemberian atau penerimaan hadiah di antara ahli pasukan DaVita.

Hubungan Dengan Pesakit

Kami harus mengelak menjalinkan hubungan dengan pesakit yang boleh mengakibatkan konflik kepentingan yang sebenar atau berpotensi. Kami tidak mahu pesakit kami berfikir bahawa mereka akan menerima rawatan yang lebih baik atau lebih buruk jika mereka mempunyai hubungan luar dengan penyedia penjagaan kesihatan mereka di DaVita. Kami berusaha untuk menjalinkan hubungan yang terbuka dan profesional dengan pesakit kami.

Ihsan Perniagaan

Mereka yang bekerja bersama-sama kadangkala bertukar-tukar ihsan perniagaan seperti makanan atau hadiah yang rendah nilai sebagai tanda muhibah dan kebaikan atau sebagai sebahagian daripada rutin perniagaan. Disebabkan oleh peraturan, kami bertukar-tukar ihsan perniagaan dengan rakan perniagaan kami hanya dalam keadaan yang terhad. Kami tidak pernah menggunakan hadiah atau insentif lain untuk mempengaruhi hubungan atau hasil perniagaan secara tidak wajar. Kami tidak pernah menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk rasuah, sogokan atau dorongan yang tidak wajar.

Kerajaan memiliki undang-undang dan peraturan yang ketat mengenai ihsan perniagaan. Kami tidak memberikan apa-apa barangan berharga kepada kakitangan atau pegawai kerajaan atau perantara kerajaan kecuali dalam keadaan terhad yang diizinkan oleh polisi-polisi dan prosedur DaVita dan undang-undang dan peraturan tempatan.

Nilai-nilai Teras

Perkhidmatan Cemerlang • Integriti • Penambahbaikan Secara Berterusan • Keceriaan • Kebertanggungjawaban
Kepuasan Hati • Semangat Berpasukan

FAQ

S: Seorang pesakit ingin mengupah anak lelaki saya untuk membuat “kerja sampingan” di rumahnya. Bolehkah saya membenarkan anak lelaki saya menerima pekerjaan itu?

J: Tidak. Sebagai peraturan umum, ahli pasukan harus mengelakkan perhubungan perniagaan dengan pesakit. Kami tidak mahu pesakit berfikir yang mereka akan menerima penjagaan yang lebih baik atau lebih teruk jika mereka “membantu” ahli pasukan kami dan ahli keluarga mereka.

S: Bolehkah saya memberikan hadiah kepada pesakit?

J: Pada amnya, anda harus mengelakkan daripada memberi atau menerima hadiah atau apa-apa sahaja nilai dengan pesakit, walau bagaimanapun, ahli pasukan harus merujuk polisi tempatan mereka untuk mendapatkan panduan khusus. Hadiah tidak boleh diberikan untuk mendorong pesakit menggunakan atau terus menggunakan DaVita sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan.

S: Apakah “ihisan perniagaan”?

J: “Ihsan perniagaan” merangkumi apa-apa barang, perkhidmatan, faedah atau apa-apa sahaja yang mempunyai nilai ekonomi atau peribadi, yang ditukar ganti di antara rakan sekutu perniagaan (atau bakal rakan perniagaan), yang termasuk hadiah, makanan dan lain-lain bentuk pemberian.

Mengelakkan Konflik Kepentingan

Kami mesti berupaya untuk mengenal pasti dan mendedahkan kemungkinan berlakunya konflik kepentingan dan mengelakkan daripada membuat keputusan di mana kebebasan kami dikompromikan.

Am

Kami harus menahan diri dari melakukan atau memasuki perhubungan perniagaan, kewangan atau lain-lain yang bertentangan dengan kepentingan DaVita atau kemampuan kami untuk melaksanakan tugas DaVita ataupun yang menjejaskan penilaian profesional. Kami tidak menerima pekerjaan atau bayaran daripada rakan niaga, vendor, kontraktor, pesakit, pesaing, doktor atau sumber rujukan lain, kerajaan atau pihak ketiga lain jika kami mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi hubungan mereka dengan DaVita.

Pekerjaan Luar

Pekerjaan Luar tidak boleh mengganggu tugas kami di DaVita. Ini mungkin merangkumi pekerjaan atau pengaturan lain dengan rakan niaga, vendor, kontraktor, pesakit, pesaing, doktor atau sumber rujukan lain, kerajaan atau pihak ketiga lain DaVita. Pekerjaan luar ahli pasukan tidak boleh mengehadkan kemampuan mereka untuk melaksanakan tugas mereka sepenuhnya di DaVita. Ahli pasukan mesti mendedahkan dan berbincang dengan penyelia mereka tentang semua pekerjaan luar, perhubungan atau transaksi luar yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan dan melaporkan kepada Jabatan Pematuhan selaras dengan polisi-polisi dan prosedur.

FAQ

S: Adakah saya dibenarkan untuk mempunyai pekerjaan kedua?

J: Ya di A.S. asalkan pekerjaan kedua itu tidak mengganggu tugas anda di DaVita. Jika anda ingin mempunyai pekerjaan kedua, anda perlu memaklumkan pekerjaan itu kepada penyelia anda untuk memastikan ia tidak akan menjejaskan keupayaan anda untuk memenuhi kewajipan anda kepada DaVita, yang boleh mengakibatkan kesan buruk kepada anda atau DaVita ataupun mewujudkan konflik kepentingan (di luar Amerika Syarikat, sila rujuk penyelia anda).

S: Adakah ianya menyalahi peraturan untuk ahli keluarga saya membekalkan produk atau perkhidmatan kepada DaVita?

J: Tidak semestinya. Hubungan anda dengan individu ini tidak boleh mempengaruhi keputusan pembelian, jadi untuk mengelakkan konflik yang mungkin timbul, anda harus memberitahu penyelia anda dan Jabatan Pematuhan mengenai sebarang perhubungan peribadi yang rapat atau perhubungan kekeluargaan dengan vendor atau bakal vendor sebelum mengatur untuk menggunakan perkhidmatan mereka.

Peluang Perniagaan

Peluang perniagaan yang ditemui melalui pekerjaan anda di DaVita adalah milik DaVita. Kami bertanggungjawab terhadap DaVita untuk mengembangkan kepentingan perniagaannya yang sah. Ahli pasukan adalah dilarang menggunakan maklumat sulit atau proprietari DaVita untuk kepentingan dan kegunaan peribadi.

Rakan dan Keluarga

Kami tidak boleh mengambil bahagian dalam keputusan DaVita yang sedia ada atau berpotensi yang mana melibatkan seseorang yang mempunyai hubungan peribadi dengan kami yang boleh menjejaskan objektiviti ketika membuat keputusan perniagaan.

Hubungan rapat ahli pasukan dengan rakan niaga, vendor, kontraktor, pesakit, pesaing, doktor atau sumber rujukan lain DaVita, pegawai atau kakitangan kerajaan atau pihak ketiga yang lain tidak secara automatik bermaksud terdapat konflik kepentingan. Walau bagaimanapun, oleh kerana situasi ini menunjukkan kemungkinan berlakunya konflik kepentingan, anda harus selalu berbincang dengan penyelia anda atau dengan Jabatan Pematuhan, mengikuti panduan khusus untuk negara anda.



Saling menghormati

Kami komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang memberi sokongan di mana ahli pasukan mempunyai peluang untuk mencapai potensi penuh mereka.

Menghormati Hak Asasi Manusia

Kami komited untuk menghormati hak asasi manusia di seluruh Komuniti kami. DaVita menolak dengan tegas penggunaan buruh kanak-kanak haram dan tidak menerima sebarang bentuk kerja paksa termasuk perdagangan manusia. Kami mematuhi undang-undang yang terpakai di mana jua DaVita menjalankan perniagaan dan dipandukan oleh prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam piawaian antarabangsa yang berkenaan.

Peluang Pekerjaan yang Sama Rata

Kami komited untuk menyediakan tempat kerja yang pelbagai dan bebas dari diskriminasi yang tidak wajar. Kami merekrut dan menaikkan pangkat ahli pasukan berdasarkan kepada kemampuan mereka untuk menunjukkan kecemerlangan dalam tugas dan dedikasi mereka untuk memenuhi keperluan pesakit dan keperluan perniagaan kami. Interaksi kami dengan satu sama lain haruslah sentiasa adil, objektif dan profesional.

Kami semua bertanggungjawab untuk mendukung nilai-nilai pekerjaan yang adil dengan mematuhi undang-undang tenaga kerja dan pekerjaan, termasuk undang-undang anti-diskriminasi. DaVita akan memberi kemudahan yang sewajarnya untuk para individu yang mengalami kecacatan fizikal atau mental, selaras dengan undang-undang yang terpakai. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan mengenai diskriminasi atau gangguan yang tidak wajar di tempat kerja, laporkan masalah anda kepada penyelia anda atau Jabatan Sumber Manusia.

FAQ

S: Apakah yang dimaksudkan dengan menjadi individu atau entiti yang dikecualikan oleh Pejabat Ketua Polis Negara A.S. Jabatan Kesihatan dan Sumber Manusia?

J: Individu atau entiti yang dikecualikan ialah orang atau syarikat yang “tidak dibenarkan” menyertai sebarang program penjagaan kesihatan yang dibiayai oleh kerajaan persekutuan A.S. atau kerajaan negeri. Di bawah undang-undang A.S, sesiapa yang mengupah individu atau syarikat yang dikecualikan oleh OIG boleh dikenakan hukuman denda awam.

Pekerjaan yang Sah

Kami mematuhi kepada undang-undang tempatan yang terpakai untuk perniagaan kami. Kami mesti mengekalkan semua kelayakan, lesen dan perakuan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas kami. Ahli pasukan dalam kedudukan yang memerlukan lesen, sijil atau kelayakan profesional lain bertanggungjawab untuk memastikan yang ia adalah terkini dan aktif.

Jika dibenarkan oleh undang-undang setiap negara, DaVita telah menerapkan prosedur saringan untuk mengenal pasti individu yang telah disekat atau dikecualikan secara umum oleh kerajaan daripada menyertai program kerajaan. Prosedur-prosedur ini merangkumi pemeriksaan pangkalan data yang tersedia untuk umum seperti senarai individu dan entiti dikecualikan dari Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Sumber Manusia Negara Amerika Syarikat, Pejabat Ketua Polis Negara (OIG), senarai direka khusus untuk warga serta orang yang disekat dari Pejabat Kawalan Aset Asing (OFAC) dan Sistem Pentadbiran Perkhidmatan Am (GSA) untuk Pengurusan Anugerah (SAM). Sekiranya anda menyedari bahawa anda atau ahli pasukan yang lain adalah, atau mungkin, disekat atau dikecualikan daripada program kerajaan, anda mesti segera melaporkan kepada Jabatan Pematuhan.

Dadah dan Alkohol

Untuk melindungi pesakit kami, ahli pasukan, rakan niaga, vendor dan lain-lain, DaVita komited untuk memiliki tempat kerja bebas dadah dan menggunakan tenaga kerja bebas dadah. Penggunaan dadah yang tidak sah di bawah undang-undang, atau penyalahgunaan ubat-ubatan atau alkohol yang menjejaskan keupayaan fizikal atau mental rakan sepasukan untuk melaksanakan tugas kerja mereka, tidak selaras dengan komitmen DaVita untuk menyediakan persekitaran yang selamat, sihat, terlindung dan produktif untuk ahli pasukan dan pesakit kami. Dalam keadaan istimewa, alkohol boleh disajikan di acara yang ditaja oleh DaVita, jika dibenarkan oleh undang-undang dan sesuai dengan budaya. Kami semua harus menggunakan pertimbangan yang baik ketika memutuskan untuk meminum alkohol dalam situasi sosial dan akan bertanggungjawab secara peribadi di atas tindakan dan keputusan kami. Ahli pasukan yang bermasalah melibatkan dadah atau alkohol sangat digalakkan untuk mendapatkan pertolongan daripada sumber dalaman dan luaran yang wajar.



S: Bagaimanakah DaVita mengenal pasti individu yang dikecualikan?

J: DaVita akan memeriksa jika individu atau entiti yang terlibat dalam operasi perniagaan A.S. DaVita tersenarai dalam senarai kerajaan yang tersedia secara umum untuk individu dan entiti yang dikecualikan, sebelum dan semasa penglibatan individu atau entiti itu dalam operasi DaVita di A.S.

Gangguan


Kami semua harus merasa selamat dan dialu-alukan semasa berada di DaVita. Oleh itu, DaVita tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan yang tidak sah, termasuk gangguan seksual, di tempat kerja.

Sesiapa yang mengalami atau menyaksikan gangguan yang tidak sah harus segera melaporkan kejadian itu kepada penyelia atau Jabatan Sumber Manusia. Begitu juga, penyelia yang mengetahui tentang sebarang kejadian yang didakwa berlaku atau masalah gangguan yang menyalahi undang-undang harus segera melaporkannya kepada Jabatan Sumber Manusia. Jabatan Sumber Manusia akan segera menyiasat sebarang aduan dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

FAQ

S. Salah seorang daripada ahli pasukan saya suka bergurau semasa waktu rehat. Gurauan beliau tidak wajar dan lucu. Adakah apa-apa tindakan yang saya boleh lakukan?

J: Ya. DaVita tidak bertoleransi dengan tingkah laku sedemikian. Jika anda merasa kurang selesa dengan ahli pasukan anda itu, anda boleh memintanya untuk berhenti memberikan gurauan yang tidak senonoh atau yang mengganggu. Jika anda merasa tidak selesa untuk bercakap dengan ahli pasukan tersebut, bincangkan situasi berkenaan dengan penyelia anda (melainkan jika ahli pasukan itu ialah penyelia anda) atau Jabatan Sumber Manusia.





FAQ

S: Saya telah menyaksikan seorang ahli pasukan membuang bahan kimia dari pusat kesihatan kami ke dalam longkang bandar. Apakah yang harus saya lakukan?

J: Bahan kimia mungkin berbahaya dan mesti dikendalikan dan dibuang dengan cara yang betul untuk melindungi persekitaran masyarakat tempatan kami. Anda harus melaporkan insiden itu kepada penyelia anda atau orang yang ditugaskan di pusat tersebut dan pihak lain seperti yang disyaratkan oleh polisi-polisi dan prosedur Kesihatan dan Keselamatan tempatan anda.

Kesihatan dan Keselamatan

Kami perlu memainkan peranan agar pusat dan pejabat perniagaan kami sentiasa bersih dan berfungsi dengan baik. Kami mengikuti polisi-polisi dan prosedur kesihatan dan keselamatan yang direka untuk memastikan kami mematuhi kepada semua undang-undang dan peraturan yang terpakai sebagaimana yang berkenaan di tempat kerja. Sekiranya kami menyaksikan kecederaan, kemalangan atau situasi berbahaya berlaku, kami mesti segera melaporkannya kepada penyelia supaya tindakan segera dapat diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Menyediakan persekitaran yang sihat dan selamat melangkaui perawatan pesakit ke dalam komuniti kami. Pusat dan pejabat perniagaan kami adalah sebahagian daripada komuniti yang lebih besar, dan kami juga komited untuk kesihatan mereka yang berterusan. Kami berkomitmen untuk memulihara sumber dan mengurangkan jejak ekologi dengan mematuhi undang-undang alam sekitar.

DaVita tidak bertolak ansur dengan kekerasan atau ancaman keganasan dan melarang semua individu yang memasuki aset DaVita daripada membawa senjata, tidak kira sama ada individu itu dilesenkan untuk membawa senjata tersebut. Ahli pasukan tidak dibenarkan memiliki senjata semasa mereka menjalankan perniagaan DaVita.

Amalan Perniagaan

Reputasi kami adalah salah satu aset kami yang paling penting. Ia merupakan tanggungjawab kami semua untuk melindungi reputasi DaVita. Kami akan melibatkan diri dalam amalan perniagaan yang adil dan jujur.

Pengekodan, Bil dan Perakaunan Pesakit Yang Betul

Kami mendokumenkan penjagaan pesakit secara tepat, menyeluruh dan tepat pada masanya. Rekod perubatan adalah bukti bertulis tentang penjagaan berkualiti yang kami berikan kepada pesakit kami. DaVita mendidik ahli pasukan kami dan bekerja keras untuk mencegah penciptaan rekod yang mengandungi sebarang maklumat palsu atau mengelirukan dengan sengaja.

Tuntutan yang kami kemukakan untuk pembayaran dan kelulusan mestilah tepat dan mengandungi maklumat yang didokumenkan dengan betul. Kami hanya mengebil untuk barangan atau perkhidmatan yang kami telah berikan. DaVita telah melaksanakan proses-proses yang direka untuk mengenal pasti kesilapan dalam tuntutan atau pengembalian wang dan mengembalikan wang tepat pada masanya.

Penyimpanan Rekod

Kami komited untuk menyimpan rekod yang teliti dan tepat. Kami menyimpan dokumen sebagaimana yang disyaratkan oleh polisi-polisi dan prosedur DaVita serta undang-undang dan peraturan yang terpakai. Kami tidak memusnahkan dokumen atau mengesyorkan pemusnahannya dengan alasan yang tidak wajar.

FAQ

S: Apakah yang harus saya lakukan jika saya mendapati seorang ahli pasukan lain membuat kesilapan dalam rekod perubatan pesakit?

J: Terdapat prosedur khas untuk membetulkan kesilapan dalam rekod perubatan. Anda harus menyemak insiden itu dengan penyelia yang akan menangani kesilapan dengan rakan sepasukan. Jika anda tidak berasa selesa untuk berjumpa dengan penyelia anda, anda harus menghubungi Jabatan Pematuhan atau talian Hotline Pematuhan.

S: Saya diarahkan oleh penyelia saya untuk memproses bayaran untuk perkhidmatan walaupun nota carta tidak menyokong tahap perkhidmatan itu. Apakah yang harus saya lakukan? Ke manakah harus saya laporkan masalah ini?

J: Jika anda berasa selesa, anda harus membincangkan kebimbangan anda dengan penyelia anda. Jika anda tidak selesa untuk berbincang dengan penyelia anda, anda harus menghubungi Jabatan Pematuhan atau talian Hotline Pematuhan.

S: Seorang rakan jururawat menghubungi saya dari rumah selepas menamatkan syifnya. Dia memberitahu saya bahawa dia terlupa memasukkan pesanan secara lisan yang diterima untuk perubahan dalam rawatan perubatan. Jururawat itu meminta saya memasukkan perubahan ke dalam carta pesakit dan menggunakan nama beliau. Dia menyatakan bahawa carta biasanya dikemas kini dengan cara ini dan tidak berbahaya. Bolehkah perkara ini dilakukan?

J: Tidak. Walaupun jururawat itu melakukan perkara yang betul dengan menelefon untuk melaporkan kesilapan carta, kesilapan itu mestilah dilaporkan dengan segera kepada penyelia anda, dan bukan ditulis pada carta pesakit tersebut. Anda tidak boleh merekodkan pesanan yang anda tidak dengar. Jangan tandatangani menggunakan tandatangan atau nama sesiapa dan jangan gunakan kata laluan ahli pasukan lain. Jururawat yang terlupa untuk mencatatkannya pesanan tersebut boleh membuat kemasukan itu di dalam rekod perubahan sebagai kemasukan lewat apabila ahli pasukan tersebut berada di kemudahan.

Rekod Kewangan yang Tepat

Rekod kewangan kami berfungsi sebagai asas untuk menguruskan perniagaan kami. Menyimpan rekod kewangan yang tepat, lengkap dan benar sangat penting untuk memenuhi kewajipan kami kepada pihak berkepentingan kami, termasuk pelabur, rakan niaga, vendor, pesakit dan ahli pasukan, dan secara langsung mempengaruhi pematuan kami terhadap keperluan pelaporan kewangan, undang-undang dan peraturan lain. Untuk itu, kami menjaga sistem pengendalian dalaman untuk memberikan jaminan yang wajar bahawa semua transaksi dilaksanakan dan direkodkan dengan cara yang tepat. Di samping itu, semua maklumat kewangan mesti mencerminkan urus niaga sebenar dan mematuhi piawaian industri. Kami tidak boleh memalsukan atau mengubah maklumat secara salah dalam rekod, laporan atau dokumen lain.



Aset dan Teknologi DaVita

Kami mesti melindungi aset syarikat kami daripada kecurian, kecuaiian dan pembaziran. Kami sentiasa teliti menjaga sumber Village kami sepertimana kami menjaga sumber kami sendiri.

Penggunaan Aset dan Teknologi DaVita Yang Betul

Kami semua mesti memastikan penggunaan aset dan teknologi DaVita adalah sah dan cekap. Aset DaVita adalah apa sahaja yang disediakan oleh DaVita untuk melakukan tugas kami, termasuk teknologi, rahsia perdagangan dan barang klinikal. Kecurian, kecuaiian dan pembaziran secara langsung mempengaruhi keuntungan dan jejak karbon kami. Aset dan teknologi DaVita haruslah diguna semata-mata untuk tujuan perniagaan.

Setiap orang bertanggungjawab melindungi maklumat intelektual dan perniagaan DaVita, walaupun setelah kami meninggalkan Village. Maklumat harta intelek dan perniagaan adalah maklumat yang tidak diketahui oleh masyarakat pada masa ini atau maklumat mengenai rahsia perdagangan atau rancangan perniagaan DaVita. Seperti ahli pasukan dan maklumat pesakit, kami boleh berkongsi harta intelek dan maklumat perniagaan dengan ahli pasukan, rakan niaga, vendor, kontraktor atau pihak ketiga hanya apabila ia diperlukan untuk tujuan perniagaan, dan jika berkenaan, perjanjian yang menggariskan penggunaan dan pendedahan maklumat yang sesuai ada ditempatkan.

FAQ

S: Seseorang yang tidak dikenali telah menelefon dan menyatakan yang beliau adalah dari agensi kerajaan. Beliau meminta maklumat pesakit tertentu . Apakah yang harus saya lakukan?

J: DaVita komited untuk menjawab pertanyaan kerajaan yang sah tetapi juga untuk melindungi maklumat pesakit kami dengan sewajarnya. Permintaan kerajaan biasanya dibuat secara bertulis dan disampaikan secara formal. Dalam kes seperti ini, sila rujuk individu tersebut ke Jabatan Undang-Undang.

S: Saya merupakan pemilik perniagaan kecil dan melakukan rundingan apabila saya tidak berada di DaVita. Bolehkah saya menghantar e-mel kepada pelanggan dan memfakskan borang semasa waktu rehat tengah hari dengan menggunakan komputer atau mesin faks DaVita?

J: Tidak. Semua aset dan bekalan DaVita hanya boleh digunakan untuk mengembangkan perniagaan DaVita. Ahli pasukan mestilah menjalankan perniagaan luar mereka pada masa mereka sendiri dan menggunakan sumber mereka sendiri.

Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence (AI))

Rakan sepasukan mesti berhati-hati semasa menggunakan alatan Kecerdasan Buatan (AI). Sebarang maklumat yang dimasukkan ke dalam alat-alat generatif ini mesti mematuhi polisi keselamatan dan privasi yang terpakai. Maklumat proprietari DaVita, maklumat sulit pesakit atau rakan sepasukan termasuk maklumat kesihatan terlindung (PHI) atau maklumat pengenalan peribadi (PII) hanya boleh digunakan dalam sistem dalaman yang diluluskan.

AI adalah pembantu yang berguna, tetapi bukan pembuat keputusan. Ia boleh menjimatkan masa dan mencetuskan idea, tetapi rakan sepasukan bertanggungjawab untuk menyemak, memperhalusi dan meluluskan apa sahaja yang dijana oleh AI. Ini dikenali sebagai mengekalkan input manusia didalam proses, dan ia memastikan output adalah tepat, beretika dan sejajar dengan piawaian kami. Anda bertanggungjawab untuk sebarang keputusan atau bahan yang dibuat dengan AI. Sentiasa semak kandungan yang dihasilkan dengan AI sebelum menggunakannya.

Komunikasi Luaran

Ahli pasukan mesti amat berhati-hati dalam mendedahkan maklumat syarikat. Kami tidak pernah mendedahkan maklumat sulit tanpa kebenaran.

Mungkin tidak sesuai untuk menyiarkan pendapat atau maklumat kami mengenai DaVita di Internet, walaupun maklumat itu tidak dirahsiakan. Komen kami kepada khalayak luar mungkin dikaitkan dengan DaVita, walaupun kami tidak bermaksud sedemikian.

Sebarang pernyataan kepada media mesti diberi kebenaran secara bertulis oleh Jabatan Komunikasi dan/atau Jabatan Undang-Undang DaVita.

Perdagangan Orang Dalam

Kami tidak boleh menggunakan maklumat bukan umum mengenai DaVita, atau maklumat yang diperoleh melalui tugas kami untuk DaVita, untuk kepentingan peribadi. Semasa kerja seharian, kami mungkin mempelajari maklumat mengenai DaVita atau rakan niaga, vendor atau pihak ketiga yang diperdagangkan secara terbuka yang belum tersedia untuk orang awam. Penggunaan maklumat bukan awam, atau "orang dalam" untuk tujuan perdagangan saham adalah dilarang sama sekali di bawah polisi-polisi dan prosedur DaVita, dan mungkin merupakan pelanggaran undang-undang sekuriti A.S. dan negara-negara lain.

Laman Media Sosial

Kami adalah wajah DaVita dan harus berkelakuan dengan sewajarnya semasa membincangkan DaVita, termasuk di media sosial. Ahli pasukan mesti mengikuti polisi-polisi DaVita mengenai penggunaan media sosial dan tidak boleh bercakap bagi pihak DaVita di media sosial tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu.

Kami mematuhi semua undang-undang hak cipta, tanda dagang, penggunaan wajar dan pendedahan kewangan. Jabatan Pemasaran menguruskan saluran media sosial DaVita A.S. Di luar Amerika Syarikat, semua pertanyaan mengenai penggunaan media sosial harus ditujukan kepada pasukan pengurusan tempatan yang mengawasi media sosial.

FAQ

S: Keluarga dan rakan saya selalu bertanya kepada saya sama ada mereka patut membeli saham DaVita. Bolehkah saya memberikan pendapat saya?

J: Anda tidak boleh membuat cadangan kepada sesiapa pun mengenai pembelian atau penjualan saham DaVita, kerana cadangan tersebut mungkin merisikokan Syarikat secara tidak adil dan mungkin mengelirukan. Anda tidak boleh terlibat dalam perbincangan mengenai rancangan syarikat, prestasi dan atau perkembangan penting lain yang belum diumumkan. Peraturan mengenai maklumat "orang dalam" berlaku sama ada anda membeli atau menjual stok sendiri atau anda memberikan maklumat ("tip") kepada orang lain. Sekiranya stok dibeli semasa memiliki bahan-bahan, maklumat bukan umum, orang yang memberikan tip dan juga orang yang menerima tip dan membeli stok akan melanggar undang-undang sekuriti.

Mematuhi undang-undang

DaVita komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan. Ahli pasukan DaVita harus faham bagaimana undang-undang dan peraturan yang berikut diguna pakai dalam tugas kami.

Undang-undang Antitrust

Kami berusaha untuk mematuhi undang-undang *antitrust* dalam semua urusan kami dengan pesaing dan pelanggan. Undang-undang *antitrust* dan undang-undang lain yang mengatur persaingan dirancang untuk mempromosikan dan melindungi persaingan bebas, terbuka dan adil. Undang-undang ini terpakai untuk tingkah laku di semua peringkat organisasi.

Secara amnya, undang-undang *antitrust* melarang

- Perjanjian atau tindakan di antara pesaing yang secara tidak wajar menghalang perdagangan atau tidak sesuai dengan konsep persaingan bebas, terbuka dan adil, termasuk, khususnya, perjanjian mengenai tawaran, harga, terma dan syarat penjualan, pekerja atau pelanggan;
- Perjanjian tertentu yang menghalang persaingan atau pengambilan pelanggan;
- Penyalahgunaan kuasa pasaran;
- Pertukaran maklumat perniagaan sulit atau hak milik yang tidak sah dengan pesaing; dan
- Transaksi yang sebahagian besar dapat mengurangkan persaingan atau cenderung untuk mewujudkan monopoli, membuat kedudukan dominan di pasaran atau memungkinkan penyalahgunaan kuasa pasaran melalui kaedah persaingan yang tidak adil, berbanding dengan persaingan secara merit.

Kami komited untuk mencapai kejayaan dengan persaingan bebas, terbuka dan adil. Rakan sepasukan harus membincangkan segala masalah mengenai tindakan atau pengaturan tertentu dan penerapan undang-undang *antitrust* dengan Jabatan Perundangan.



Undang-undang Anti Korupsi dan Anti Rasuah

Apabila kami menjalankan perniagaan di peringkat antarabangsa, kami mematuhi kepada Akta Amalan Rasuah Asing A.S. (FCPA) dan undang-undang anti-korupsi dan anti-rasuah negara-negara di mana kami menjalankan perniagaan.

Secara umum, undang-undang anti-korupsi dan anti-rasuah berdasarkan tiga prinsip berikut:

1. Larangan memberi rasuah kepada pegawai dan pegawai kerajaan;
2. Larangan rasuah kepada individu yang berkaitan dengan entiti bukan kerajaan (rasuah "swasta" atau "komersial"); dan
3. Kewajipan untuk mengekalkan buku, rekod dan sistem perakaunan yang tepat dan kawalan perakaunan dalaman yang betul.

Kami tidak akan memberi, menawarkan atau menjanjikan apa-apa yang bernilai secara langsung atau tidak langsung kepada pegawai atau kakitangan kerajaan atau orang atau entiti lain, dengan tujuan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau mendapatkan keuntungan perniagaan yang tidak adil.

Rakan niaga, vendor, dan pihak ketiga kami yang lain juga dilarang memberikan, menawarkan atau menjanjikan sesuatu yang bernilai kepada mana-mana individu yang melanggar FCPA atau undang-undang anti-korupsi atau anti-rasuah lain. Semua pembayaran yang dibuat atas nama DaVita mesti mempunyai dokumentasi bertulis yang tepat dan lengkap mengenai tujuan pembayaran.

Kami tidak akan meminta atau menerima apa-apa yang bernilai daripada mana-mana orang atau entiti yang mencari, memasuki atau melakukan transaksi perniagaan dengan DaVita yang mungkin berkompromi atau kelihatan menjejaskan keputusan perniagaan kami.

Bukan rakan sepasukan A.S., klik di sini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai: [Anti Rasuah](#)

FAQ

S: Seorang pakar perubatan kekurangan pekerja di pejabat beliau. Bolehkah pembantu pentadbir saya membantu beliau menyusun jadual dan kertas kerjanya?

J: Tidak. Memberikan bantuan pejabat kepada sumber rujukan, seperti pakar perubatan ini boleh dianggap sebagai sogokan.

S: Seorang juru nilai/pemeriksa tempatan yang bertanggungjawab untuk menilai pusat kesihatan saya memberitahu saya bahawa saya boleh membayar kepada beliau yuran tahunan untuk mengehadkan bilangan penilaian/pemeriksaan yang kami harus jalani dalam setahun. Adakah ini dibenarkan?

J: Tidak. Membayar penilai/pemeriksa untuk mengurangkan kekerapan penilaian/pemeriksaan daripada normal adalah rasuah. Jika sesuatu seperti ini dikemukakan, tolak tawaran tersebut dan segera hubungi ahli Jabatan Pematuhan.

S: Kami menyewa tapak dari sebuah hospital pendidikan awam. Salah seorang daripada ahli nefrologi hospital itu meminta kebenaran untuk menggunakan salah satu bilik persidangan untuk beberapa hari dalam seminggu untuk bertemu dengan pelajar. Bolehkah kami menyewakan ruang itu kepada ahli nefrologi tersebut?

J: Ya. Asalkan perjanjian sewa dimeterai dan ahli nefrologi itu membayar nilai pasaran adil untuk menggunakan ruang tersebut. Sila hubungi Jabatan Perundangan atau Jabatan Pematuhan untuk bantuan.

Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Keganasan

Kami komited untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang yang mengawal selia atau berkaitan dengan pengubahan wang haram atau keganasan di A.S. dan di negara lain di mana kami beroperasi, termasuk, antara lain, undang-undang yang melarang menjalankan perniagaan di negara yang disekat atau dengan individu atau entiti yang telah dikenal pasti sebagai "warga negara yang ditetapkan khas dan individu yang disekat" oleh Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan A.S. (OFAC).

Pengubahan wang haram melibatkan menyembunyian asal usul wang yang diperoleh secara tidak sah supaya ia kelihatan berasal daripada sumber yang sah. DaVita menjalankan perniagaan hanya dengan vendor dan pembekal bereputasi yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sah dan dengan dana yang diperolehi daripada sumber yang sah.

Undang-undang Anti Sogokan A.S.

Kami melakukan urusan perniagaan dengan doktor dan sumber rujukan lain sesuai dengan undang-undang dan peraturan setempat, termasuk undang-undang anti-sogokan A.S. Di Amerika Syarikat, undang-undang anti-sogokan umumnya melarang memberikan sesuatu yang bernilai kepada mana-mana individu, atau pejabat atau ganjaran rujukan pesakit atau penajaan perniagaan yang melibatkan apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibayar oleh program penjagaan kesihatan negeri atau persekutuan seperti Medicare atau Medicaid. Polisi DaVita melarang penerimaan, permintaan, atau memberikan sogokan dengan cara yang tidak wajar. Kami semua bertanggungjawab untuk mematuhi polisi anti-sogokan DaVita dan semua undang-undang anti-sogokan yang terpakai untuk perniagaan kami.

Undang-Undang Larangan Mendorong Pesakit

Kami memberikan rawatan dan sokongan pesakit yang berkualiti tinggi kepada semua pesakit kami dengan harapan mereka terus memilih DaVita untuk menyediakan rawatan mereka. Sesuai dengan undang-undang persekutuan A.S., kami tidak memberikan insentif atau hadiah kewangan kepada pesakit dengan tujuan mempengaruhi keputusan pesakit untuk menerima rawatan dengan DaVita. Di Amerika Syarikat, peruntukan dorongan benefisiari dari Undang-Undang Penalti Monetari Sivil melarang mana-mana individu untuk menawarkan apa-apa yang bernilai kepada benefisiari Medicare atau Medicaid yang cenderung mempengaruhi pemilihan penyedia tertentu. Di luar Amerika Syarikat, kami mengikuti semua undang-undang yang berkaitan dengan dorongan pesakit.

Penipuan, Pembaziran dan Penyalahgunaan

Pencegahan dan pengesanan penipuan, pembaziran dan penyalahgunaan adalah inti pati daripada program pematuhan DaVita. Kami mendidik rakan sepasukan dan rakan perniagaan yang berkenaan mengenai pencegahan penipuan, pembaziran, dan penyalahgunaan melalui polisi, prosedur, dan latihan termasuk maklumat mengenai Akta Tuntutan Palsu A.S. (FCA) A.S. FCA adalah salah satu daripada beberapa undang-undang yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pusat Amerika Syarikat untuk mencegah dan menghukum penipuan, pembaziran dan penyalahgunaan dalam program penjagaan kesihatan persekutuan. Sesuai dengan undang-undang dan polisi kami, DaVita tidak pernah dengan sengaja mengemukakan, atau menyebabkan kemunculan, tuntutan palsu atau penipuan, atau dengan sengaja dan tidak wajar menyimpan lebihan pembayaran kerajaan. DaVita telah mengembangkan polisi dan prosedur yang dirancang untuk mengesan dan mencegah penipuan, pembaziran dan mematuhi FCA. Di luar A.S., DaVita mempunyai komitmen yang sama untuk mencegah penipuan terhadap pesakit dan pembayar.

Amalan Pemasaran dan Pengiklanan

Kami mengamalkan pemasaran yang jujur, berterus terang dan tiada penipuan. Selaras dengan undang-undang dan peraturan, kami dapat menggunakan kegiatan pemasaran dan iklan untuk mendidik masyarakat, meningkatkan kesedaran mengenai perkhidmatan kami dan merekrut ahli pasukan.

Komuniti kami

DaVita komited untuk terlibat dalam komuniti tempatan kami.

Tindakan Politik

Kami mungkin menyokong isu-isu yang sangat penting untuk penjagaan kesihatan secara umum, dan penjagaan buah pinggang secara khusus, dengan mengambil tindakan, seperti yang dibenarkan oleh undang-undang setiap negara, untuk memastikan pembuat polisi mendengar daripada komuniti pakar penjagaan DaVita. Sekiranya sesuai, DaVita boleh mengundang anda untuk terlibat dalam aktiviti akar umbi (seperti menulis surat, panggilan telefon, mesyuarat) yang berkaitan dengan usaha sokongan tersebut. Penyertaan, atau tidak, daripada sebarang aktiviti yang berkaitan dengan inisiatif politik yang ditaja oleh pasukan Hal Ehwal Kerajaan DaVita atau jawatankuasa lain di negara-negara di luar Amerika Syarikat tidak mempunyai kesan terhadap status pekerjaan di DaVita, dan tidak ada individu yang boleh dipaksa untuk turut serta dalam aktiviti tersebut. Walaupun kami boleh melibatkan diri sepenuhnya dalam proses politik, kami tidak boleh memberikan sumbangan politik bagi pihak DaVita sebelum berunding terlebih dahulu dengan anggota pasukan Hal Ehwal Kerajaan DaVita mengenai sumbangan di Amerika Syarikat atau Jabatan Pematuhan untuk sumbangan di luar Amerika Syarikat.

Sekiranya ahli pasukan memilih untuk melibatkan diri dalam aktiviti politik, mereka melakukannya atas maksud diri sendiri dan tidak bermakna mereka bercakap bagi pihak DaVita.

Sumbangan Kebajikan

Sumbangan kebajikan (contohnya, sumbangan derma, tajaan, dan geran pendidikan) boleh dibuat kepada entiti pihak ketiga, atas nama DaVita, dengan kelulusan yang sewajarnya seperti yang disyaratkan oleh polisi-polisi dan prosedur DaVita. Kami tidak mengambil bahagian dalam aktiviti kebajikan atau membuat sumbangan untuk mempengaruhi rujukan atau secara tidak sah memperoleh kelebihan perniagaan secara tidak adil atau dalam cara yang menyalahi mana-mana undang-undang.

FAQ

S: Saya menjadi sukarelawan di beberapa organisasi. Bolehkan saya meminta DaVita untuk membuat sumbangan?

J: Ya. DaVita boleh membuat sumbangan kebajikan, jika ia bukan diberikan untuk mendorong atau mendapatkan rujukan pesakit atau mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak adil dan anda telah mendapatkan kelulusan yang sepatutnya selaras dengan polisi-polisi DaVita.

S: Bolehkah pusat kesihatan saya membuat sumbangan kebajikan kepada organisasi kebajikan atau acara yang ditaja atau berkaitan dengan sumber rujukan?

J: Bergantung kepada keadaan. Sebelum anda membuat sebarang komitmen atau sumbangan, anda harus mendapatkan kebenaran yang selaras dengan polisi-polisi DaVita.

Kesimpulan

Kod Tatakelakuan ini adalah panduan untuk tugas sehari-hari kami.

Kod ini hanyalah permulaan daripada banyak sumber yang sedia ada untuk ahli pasukan. Pada akhirnya, kami bergantung kepada setiap ahli pasukan untuk menggunakan pertimbangan yang baik dan untuk menegakkan Nilai-nilai Teras DaVita. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, ajukan kepada penyelia anda, pengurusan kanan Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Pematuhan, Jabatan Undang-undang atau talian Hotline Pematuhan.



Sumber Untuk Menyokong Pemilihan Yang Betul

Untuk Ahli Pasukan A.S.

JABATAN	HUBUNGI	SUMBER
Pematuhan (Team Quest)	Talian Hotline Pematuhan tersedia 24 jam sehari, 365 hari setahun, di 1-888-458-5848 atau DaVitaComplianceHotline.com . Untuk soalan berkaitan pematuhan, hubungi QUESTionLine di QUESTionLine.ethicspoint.com . 	Polisi, prosedur dan sumber lain Pematuhan boleh didapati di PolicyHub . Sumber Pematuhan lain boleh didapati di VillageWeb .
Sumber Manusia (People Services)	Ahli pasukan boleh menghubungi Pusat Bantuan Ahli Pasukan di 1-877-732-8482.	Polisi Ahli Pasukan boleh didapati di PolicyHub . Sumber People Services lain boleh didapati di VillageWeb .
Privasi (Team Shield)	Ada soalan atau masalah privasi atau keselamatan? Hubungi Jabatan Privasi di 1-855-472-9822 atau e-mel Privacy@DaVita.com .	Polisi Privasi boleh didapati di PolicyHub . Sumber Privasi lain boleh didapati di VillageWeb .

Untuk Ahli Pasukan Luar A.S.

JABATAN	HUBUNGI	SUMBER
Pematuhan (Team Quest)	Talian Hotline Pematuhan tersedia 24 jam sehari, 365 hari setahun, di DaVitaComplianceHotline.com . Untuk soalan berkaitan pematuhan, sila hubungi Ketua Pegawai Pematuhan negara anda.	Polisi-polisi Pematuhan Antarabangsa dalam bahasa ibunda negara disimpan secara setempat dan boleh disediakan atas permintaan oleh ketua Pematuhan tempatan.
Sumber Manusia (People Services)	Untuk soalan berkaitan People Services, sila hubungi ketua People Services di negara anda atau pasukan People Services Antarabangsa London di PSinternational@davita.com . Untuk melaporkan kebimbangan berkaitan pekerjaan anda atau tingkah laku yang tidak sesuai oleh seseorang di tempat kerja, anda juga boleh menggunakan alat pelaporan insiden People Services kami, Spot. Spot menyampaikan laporan anda kepada People Services, secara tanpa nama jika anda memilih. Anda boleh mengakses Spot 24/7 dari mana-mana komputer atau peranti mudah alih.	Polisi-polisi Ahli Pasukan dalam bahasa ibunda negara anda tersimpan di tempatan dan boleh diberikan atas permintaan oleh ketua People Services tempatan.
Privasi	Untuk pertanyaan atau masalah data privasi umum, hantar e-mel ke DataPrivacyInternational@davita.com .	Polisi-polisi privasi data antarabangsa dalam bahasa ibunda negara disimpan secara setempat dan boleh disediakan atas permintaan oleh ketua Privasi tempatan.

Visi Kami

Menuju Masa Hadapan Yang Sihat

Misi *Sebab Kami Wujud*

Untuk menjadi penyedia, rakan kongsi dan majikan pilihan

Cara DaVita *Kepercayaan Kami*

"The DaVita Way" merupakan lambang dedikasi kami terhadap cara Pemikiran kami (kepercayaan dan komitmen), Perasaan kami (penjagaan), dan juga tingkah laku kami (perbuatan) untuk merealisasikan Misi kami dengan menitikberatkan nilai murni di dalam membangunkan Village yang harmoni.

Ini menunjukkan keprihatinan kami terhadap ahli pasukan kami, sebagaimana kami prihatin akan pesakit kami.

Nilai-nilai Teras *Tingkah Laku Kami*

Perkhidmatan Cemerlang
Integriti
Penambahbaikan Secara Berterusan
Keceriaan
Kebertanggungjawaban
Kepuasan Hati
Semangat Berpasukan

WE CARE *Piawaian Perkhidmatan Kami*

SETIAP INTERAKSI ADALAH PENTING

Welcome (Mengalu-alukan)
Empathize (Berasa Empati)
Connect (Berhubung)
Actively listen (Mendengar Secara Aktif)
Respect (Menghormati)
Encourage (Menggalakkan)



Pejabat Korporat

2000 16th Street
Denver, CO 80202

DaVita.com

© 2025 DaVita Inc. Hak cipta terpelihara.

Dipinda September 2013, Disember 2013, Oktober 2014, Oktober 2016, Februari 2019, Jun 2019, Mac 2021 (A.S.), Mei 2021 (Antarabangsa), Mac 2024, Februari 2026